

PROMOSI RAMADAN & RAYA HLB CONNECT 2025 ([English Version](#))

Kemas Kini Terakhir 6 Mac 2025

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Ramadan & Raya Connect 2025: (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (**“HLB”**) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (**“HLISB”**) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 7 Mac 2025 dan berakhir pada 7 Mei 2025 (**“Tempoh Promosi”**), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi (“T&S”)

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka untuk pelanggan individu yang merupakan pengguna HLB Connect baharu dan sedia ada (**“HLB Connect”**) dan memiliki Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB (**“CASA/CASA-i”**) dan/atau Kad Kredit HLB (**“Kad Kredit”**) (selepas ini dirujuk sebagai **“Pelanggan”**).
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan yang:
 - (i) pernah melakukan, atau pada masa ini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - (ii) menghadapi prosiding muflis, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
 - (iii) telah melanggar mana-mana terma dan syarat Promosi ini, terma dan syarat CASA/CASA-i dan/atau Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect (**“Terma dan Syarat yang Terpakai”**) pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan perlu memenuhi pra-syarat berikut semasa Tempoh Promosi:
 - (a) **mendaftar untuk HLB Connect, melakukan transaksi yang layak (“Transaksi yang Layak”) dan memperoleh mata (“Mata Connect”)** seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 3](#) di bawah (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect baharu); ATAU
 - (b) **log masuk HLB Connect, melakukan Transaksi yang Layak dan memperoleh Mata Connect** seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 3](#) di bawah (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect yang sedia ada).

(Pelanggan yang telah memenuhi SEMUA syarat yang dinyatakan di bawah Klausula 3 di atas selepas ini akan dirujuk sebagai **“Pelanggan yang Layak”**).
4. Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat yang dinyatakan di bawah Klausula 3 akan berpeluang untuk memenangi senarai hadiah (**“Hadiah”**), ditunjukkan di [Jadual 1](#) atau Pulangan Tunai yang ditunjukkan di [Jadual 2\(A\)](#) dan [Jadual 2\(B\)](#) di bawah.
5. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, Bank akan memperuntukkan Mata Connect kepada setiap Pelanggan yang Layak untuk setiap Transaksi yang Layak yang berjaya dilakukan semasa Tempoh Promosi, seperti ditunjukkan di [Jadual 3](#) di bawah. Pelanggan yang Layak yang pertama mencapai jumlah Mata Connect tertinggi, seperti yang direkod oleh Bank, akan memenangi Hadiah (**“Pemenang”**) atas dasar siapa cepat dia dapat, sehingga jumlah bilangan Pemenang untuk setiap Kategori Hadiah yang diperuntukkan telah dalam penuh, seperti ditunjukkan dalam [Jadual 1](#) di bawah.

Jadual 1: Hadiah

Kategori Hadiah	Hadiah	Kaedah Pemilihan Pemenang	Jumlah Pemenang
Hadiah Pertama	Skuter Yamaha NVX (Standard) daripada Hong Leong Yamaha Motor Sdn Bhd (No. Syarikat 197901002563 (46829-P)) (" Yamaha ")	Pelanggan yang Layak yang pertama dan kedua yang mengumpul Mata Connect tertinggi seawal tarikh yang mungkin.	2
Hadiah Kedua	Kad Hadiah bernilai RM5,000 yang dikeluarkan oleh Elitetrax Marketing Sdn Bhd (No. Syarikat 200301013807 (616227-D)) (" Harvey Norman ")	Pelanggan yang Layak yang ke-3 hingga ke-5 yang mengumpul Mata Connect tertinggi seawal tarikh yang mungkin.	3
Hadiah Ketiga	Hadiah Tunai bernilai RM1,000	Pelanggan yang Layak yang ke-6 hingga ke-15 yang mengumpul Mata Connect tertinggi seawal tarikh yang mungkin.	5
Hadiah Saguhati	Hadiah Tunai bernilai RM100	Pelanggan yang Layak yang ke-11 hingga ke-110 yang mengumpul Mata Connect tertinggi seawal tarikh yang mungkin.	100

Jadual 2(A) Pulangan Wang Tunai Serta-Merta DuitNow QR

Minggu Promosi	Segmen Pulangan Tunai	Kaedah Pemilihan Pemenang	Peruntukan Mingguan
Minggu 1: 7 – 13 Mac 2025	<u>DuitNow QR:</u> Pulangan Tunai Serta-Merta RM0.10	<ul style="list-style-type: none"> Untuk setiap transaksi pembayaran DuitNow QR ("POS QR") yang berjaya (minimum RM10) ke peniaga tempatan menggunakan CASA/CASA-i melalui HLB Connect App. Setiap Pelanggan yang Layak boleh memperoleh Pulangan Tunai Serta-Merta bernilai sehingga RM1 setiap minggu di dalam Tempoh Promosi, tertakluk kepada angka maksimum di bawah. Setiap Pelanggan yang layak boleh memperoleh Pulangan Tunai Serta-Merta sehingga RM9 sepanjang Tempoh Promosi. Pulangan Tunai Serta-Merta akan diberi atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk kepada jumlah Pulangan 	RM13,770
Minggu 2: 14 – 20 Mac 2025			RM13,770
Minggu 3: 21 – 27 Mac 2025			RM13,770
Minggu 4: 28 Mac – 3 April 2025			RM13,770
Minggu 5: 4 – 10 April 2025			RM13,770
Minggu 6: 11 – 17 April 2025			RM13,770
Minggu 7: 18 – 24 April 2025			RM13,770

Minggu 8: 25 April – 1 Mei 2025		Tunai mingguan yang diperuntukkan.	RM13,770
Minggu 9: 2 – 7 Mei 2025			RM9,840

Jadual 2(B): Pulangan Tunai FPX atau DuitNow Online Banking/Wallets

Minggu Promosi	Segmen Pulangan Tunai	Kaedah Pemilihan Pemenang	Peruntukan Mingguan
Minggu 1: 7 – 13 Mac 2025	FPX atau DuitNow Online Banking/Wallets Pulangan Tunai RM0.20	<ul style="list-style-type: none"> Untuk setiap transaksi FPX atau DuitNow Online Banking/Wallets yang berjaya (minimum RM30) menggunakan CASA/CASA-i melalui HLB Connect Online. Setiap Pelanggan yang Layak boleh memperoleh PulanganTunai sehingga RM1 setiap minggu sepanjang Tempoh Promosi. Setiap Pelanggan yang Layak boleh memperoleh Pulangan Tunai sehingga RM9 sepanjang Tempoh Promosi. Pulangan Tunai akan dimenangi atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk tertakluk kepada jumlah Pulangan Tunai mingguan yang diperuntukkan. 	RM14,918
Minggu 2: 14 – 20 Mac 2025			RM14,918
Minggu 3: 21 – 27 Mac 2025			RM14,918
Minggu 4: 28 Mac – 3 April 2025			RM14,918
Minggu 5: 4 – 10 April 2025			RM14,918
Minggu 6: 11 – 17 April 2025			RM14,918
Minggu 7: 18 – 24 April 2025			RM14,918
Minggu 8: 25 – 1 Mei 2025			RM14,918
Minggu 9: 2 – 7 Mei 2025			RM10,656

- Pemenang-pemenang Pulangan Tunai juga akan berpeluang memenangi Hadiah jika mereka memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Kaedah Pemilihan Pemenang di dalam [Jadual 1](#).
- Setiap Pemenang Hadiah layak memenangi **hanya satu (1) Hadiah** sepanjang Tempoh Promosi.
- Pemenang yang diumumkan daripada Promosi HLB Connect sebelum ini yang disenaraikan di bawah **TIDAK** layak untuk memenangi Hadiah dalam Promosi ini:
 - Promosi Tahun Baru Cina: Pemenang Hadiah Pertama dan Kedua; dan
 - Promosi Akhir Tahun HLB Connect 2024: Semua Pemenang Hadiah
- Kakitangan tetap, kontrak dan/atau sementara atau pekerja Jabatan Digital PFS HLB yang terlibat dalam Promosi ini **TIDAK** layak untuk memenangi Hadiah.

Jadual 3: Transaksi yang Layak & Peruntukan Mata Connect

Transaksi yang Layak	Mata Connect bagi setiap Transaksi yang Layak yang berjaya	Mata Connect Harian Maksimum	Mata Connect Maksimum yang boleh diperolehi sepanjang Tempoh Promosi
Mendaftar untuk HLB Connect Mata akan diberikan kepada pendaftaran yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi.	100	100	100
Membuat pembayaran dengan FPX atau DuitNow Online Banking/Wallets (minimum RM10 setiap pembayaran) menggunakan dana daripada CASA/CASA-i atau Kad Kredit melalui HLB Connect Online	15	150	9,300
Membuat Pembayaran Bil (minimum RM10 setiap pembayaran) menggunakan dana daripada CASA/CASA-i atau Kad Kredit melalui HLB Connect	10	100	6,200
Membuat Pembayaran DuitNow QR ("POS QR") kepada mana-mana peniaga tempatan (minimum RM10 setiap pembayaran) menggunakan dana daripada CASA/CASA-i melalui HLB Connect App dan	15	150	9,300
Membuat Pemindahan ke Luar Negara (minimum RM1,000 setiap pindahan) melalui HLB Connect Online	15	60	3,720
Membuat Tambah Nilai Prabayar (minimum RM10 setiap tambah nilai) melalui HLB Connect	10	30	1,860
Membuat QR Rentas Sempadan kepada peniaga asing (minimum RM50 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App	10	30	1,860
Membuat Pembayaran DuitNow QR ("P2P QR") kepada keluarga dan rakan-rakan (minimum RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App	5	50	3,100
Membuat Pindahan DuitNow (minimum RM10 setiap pindahan) ke Nombor Mudah Alih/Kad Pengenalan/Pasport/Pendaftaran Perniagaan melalui HLB Connect	1	10	620

<p>Melabur dana ASNB baharu atau tambah nilai dana sedia ada (minimum RM100 setiap pelaburan) melalui HLB Connect Online</p> <p><i>Akaun ASNB tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke dalam Akaun ASNB.</i></p>	20	100	6,200
---	----	-----	-------

HALAMAN PENJEJAK MATA CONNECT (TERSEDIA MULAI DARIPADA 22 MAC 2025)

10. Pelanggan yang Layak yang berjaya melakukan sebarang Transaksi yang Layak yang disenaraikan dalam [Jadual 3](#) di atas dalam Tempoh Promosi boleh melihat Mata Connect mereka pada Halaman Penjejak Mata Connect. Halaman Penjejak Mata Connect boleh diakses dengan melog masuk ke HLB Connect Online atau HLB Connect App dan klik pada sepanduk Penjejak Mata Connect dalam HLB Connect App dan butang Penjejak Mata Connect dalam HLB Connect Online.
11. Transaksi yang tidak berjaya atau tidak lengkap (disebabkan oleh tamat masa sistem) di mana Pelanggan yang Layak melakukan Transaksi yang Layak seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 3](#) di atas tetapi tidak melengkapkan transaksi, tidak akan layak mendapat sebarang Mata Connect.
12. Untuk Transaksi yang Layak di mana status transaksi tidak tersedia serta-merta, Mata Connect akan ditambah ke hari di mana Transaksi yang Layak dilakukan setelah Transaksi yang Layak tersebut telah berjaya.
13. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan pada Mata Connect, Mata Connect yang dikira oleh Bank selepas tamatnya Promosi ini akan dianggap tepat dan muktamad.

PENGUMUMAN DAN PEMENUHAN PEMENANG

14. Senarai Pemenang Hadiah dan pemenang Pulangan Tunai (sebagai pemenang **Hadiah Pertama, Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga, Hadiah Saguhati dan Pulangan Tunai daripada FPX atau DuitNow Online Banking/Wallets**) akan disiarkan di <https://www.hlb.com.my/connectraya> ("Laman Web Promosi") selewat-lewatnya pada **27 Jun 2025**. Adalah menjadi tanggungjawab Pemenang Hadiah dan Pemenang Pulangan Tunai untuk menyemak sama ada mereka telah menang dengan melayari Laman Web Promosi pada tarikh yang ditetapkan.
15. Pemenang Hadiah (sebagai Pemenang **Hadiah Pertama, Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga dan Hadiah Saguhati**) akan dihubungi oleh Bank melalui pemberitahuan tolak HLB Connect App ("**Pemberitahuan Aplikasi**"), SMS atau e-mel selewat-lewatnya pada **30 Jun 2025**. Pemenang Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua dikehendaki menjawab dan/atau memberikan maklumat terkini kepada Bank **sebelum 7 Julai 2025**, jika gagal, Hadiah akan dibatalkan. Sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pemenang ini pada tarikh yang ditetapkan di atas (termasuk tetapi tidak terhad kepada, tiada balasan kepada Pemberitahuan Aplikasi kami, mempunyai storan peti masuk yang tidak mencukupi untuk menerima e-mel, dan sebagainya), mereka akan hilang kelayakan secara automatik dan Hadiah akan dibatalkan.
16. Terma dan syarat untuk Pemenang **Hadiah Pertama** (merujuk kepada skuter Yamaha NVX):
 - (i) Pemenang Hadiah Pertama perlu mengatur pengambilan sendiri dan membawa dokumen pengenalan diri (Kad Pengenalan/Pasport) dan surat yang dikeluarkan oleh Bank untuk menuntut Hadiah Pertama di penganjur skuter Yamaha yang dinyatakan di dalam surat

tersebut di antara **25 Ogos 2025** dan **7 October 2025**, jika gagal Hadiah Pertama akan dibatalkan.

- (ii) Pemenang Hadiah Pertama mesti hadir dan tidak dibenarkan mencalonkan wakil untuk membuat pendaftaran dan/atau pengambilan skuter;
 - (iii) Hadiah Pertama adalah terhad kepada spesifikasi skuter standard sahaja. Ia tidak termasuk aksesori pilihan;
 - (iv) Spesifikasi sebenar skuter, model, tahun pembuatan dan/atau warna mungkin berbeza daripada visual yang diiklankan. Gambar yang ditunjukkan hanyalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata;
 - (v) Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditampilkan dengan Hadiah Pertama dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah Pertama;
 - (vi) Hadiah Pertama tidak termasuk caj dan perbelanjaan berikut yang akan ditanggung oleh Pemenang Hadiah Pertama, iaitu, caj nombor plat, cukai jalan, insurans, yuran pendaftaran, yuran pengendalian, yuran pemprosesan, yuran penimbangan, yuran pemeriksaan, caj penghantaran, caj bahan api, perbelanjaan peribadi dan kos sampingan lain berkaitan dengan penerimaan Hadiah Pertama;
 - (vii) Pemenang Hadiah Pertama **MESTI** membayar setiap kos dan perbelanjaan berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada caj nombor plat, cukai jalan, insurans, yuran pendaftaran, yuran pengendalian, yuran pemprosesan, yuran penimbangan, yuran pemeriksaan, caj penghantaran, caj bahan api, perbelanjaan peribadi dan kos sampingan lain yang berkaitan) untuk penerimaan Hadiah Pertama, pendaftaran dan pengambilan skuter;
 - (viii) Sekiranya Hadiah Pertama ditebus dan dijual semula kepada pengedar oleh Pemenang Hadiah Pertama atas apa jua sebab pada harga yang lebih rendah daripada harga runcit Hadiah Pertama, perbezaan/kekurangan dalam harga tersebut tidak boleh ditukar atau dituntut dalam bentuk tunai, kredit, cek atau dalam apa-apa bentuk lain oleh Pemenang Hadiah Pertama daripada pihak Bank atau pengedar Yamaha;
 - (ix) Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang Hadiah Pertama yang tidak dituntut selepas **7 Oktober 2025** dan sebarang tuntutan untuk Hadiah Pertama selepas **7 Oktober 2025** tidak akan dilayan; dan
 - (x) Bank juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan/masalah/kegagalan/isu yang berkaitan dengan Hadiah Pertama (sama ada besar atau kecil) sebelum atau selepas penebusan Hadiah Pertama oleh Pemenang Hadiah Pertama, dan sebarang permintaan untuk menggantikan Hadiah Pertama tidak akan dilayan oleh Bank. Sebarang isu yang berkaitan dengan Hadiah Pertama (termasuk pemindahan pemilikan Hadiah Pertama kepada Pemenang Hadiah Pertama) hendaklah diselesaikan antara Pemenang Hadiah Pertama dan pengedar dan/atau badan/pihak berkuasa yang berkaitan tanpa bantuan dari Bank.
17. Terma dan syarat untuk pemenang **Hadiah Kedua** (merujuk kepada Kad Hadiah Harvey Norman):
- (i) Pemenang Hadiah Kedua akan dihubungi oleh syarikat kurier yang dilantik oleh Bank untuk pengaturan penghantaran atau pengambilan Hadiah (contohnya pengambilan sendiri di syarikat kurier jika tiada sesiapa berada di alamat anda) antara **25 Ogos 2025** dan **6 September**, jika gagal, Hadiah Kedua akan dibatalkan.
 - (ii) Adalah menjadi kewajipan Pemenang untuk memberikan maklumat mereka yang terkini dan sah, dan Bank atau syarikat kurier yang dilantik tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank atau syarikat kurier yang dilantik tidak dapat menghubungi Pemenang untuk pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah Kedua untuk sebarang sebab sekalipun.
 - (iii) Hadiah Kedua adalah tertakluk kepada set terma dan syarat sendiri yang dikeluarkan oleh Harvey Norman di <https://www.harveynorman.com.my/gift-card-terms-and-conditions.html>. Pemenang dikehendaki mengakses Laman Web Pembekal Kad Hadiah untuk melihat terma dan syarat tersebut.

18. Pemenang **Hadiah Ketiga** dan **Hadiah Saguhati** (merujuk kepada Hadiah Tunai RM1,000 dan RM100 secara masing-masing) akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang dengan Bank pada **18 Ogos 2025**. Oleh yang demikian, Pemenang perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif sehingga **18 Ogos 2025**.
19. Adalah menjadi kewajipan Pemenang untuk menghubungi Bank sebelum **30 Ogos 2025** jika Hadiah tidak diterima. Sekiranya mereka gagal, Pemenang Hadiah dianggap telah menerima Hadiah dan sebarang tuntutan untuk pembayaran balik selepas **30 Ogos 2025** tidak akan diproses.
20. Pulangan Tunai Serta-Merta (merujuk kepada Pulangan Tunai yang diterima daripada melakukan pembayaran DuitNow QR seperti yang ditunjukkan di [Jadual 2\(A\)](#)) akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang dengan Bank secara serta-merta selepas transaksi berjaya. Selepas Peruntukan Pulangan Tunai Mingguan dipenuhi, tiada lagi Pulangan Tunai akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak untuk setiap jam atau setiap hari di dalam minggu tersebut. Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk menghubungi Pelanggan yang Layak apabila had peruntukan mingguan untuk Pulangan Tunai Serta-Merta telah dicapai.
21. Pulangan Tunai (merujuk kepada melakukan transaksi daripada FPX atau DuitNow Online Banking/Wallets seperti yang ditunjukkan di dalam [Jadual 2\(B\)](#)) akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai dengan Bank pada **25 Ogos 2025**. Oleh yang demikian, Pemenang perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif sehingga **25 Ogos 2025**, kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan Pulangan Tunai dibatalkan. Para Pemenang Pulangan Tunai mempunyai kewajipan untuk menghubungi Bank sebelum **30 Ogos 2025** jika Pulangan Tunai tidak diterima. Selepas tarikh ini, Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan pembayaran balik selepas **30 Ogos 2025** tidak akan diproses.
22. Kedua-dua Hadiah dan Pulangan Tunai (termasuk Pulangan Tunai Serta-Merta) tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai, kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.
23. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan tentang kualiti atau kesesuaian Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahihan dan/atau penggunaan Hadiah) dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak. Para Pemenang Hadiah Pertama dan Kedua hendaklah berurusan secara terus dengan Yamaha atau Harvey Norman secara masing-masing bagi apa-apa pertanyaan, pertikaian, maklumat jaminan atau tuntutan berkaitan Hadiah tanpa mendapatkan bantuan dari Bank. Semua risiko, kehilangan, kerosakan dan/atau kecederaan yang berkait dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
24. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah disebabkan oleh sebarang keadaan luar jangkaan di luar kawalan Bank yang munasabah.
25. Hadiah akan disediakan secara "Seperti Seadanya". Hadiah yang ditunjukkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web Bank bertujuan sebagai ilustrasi semata-mata. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditampilkan dengan Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah.

AM

26. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak:
 - (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang Terpakai;

- (ii) bersetuju bahawa semua rekod tentang pemenuhan syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang Hadiah dan pemenang Pulangan Tunai adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan;
- (iii) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka seperti nama, alamat e-mel, nombor telefon dan alamat rumah/tempat kerja kepada syarikat kurier yang dilantik oleh Bank bagi pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah-hadiah untuk Promosi ini, dan mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS atau e-mel bagi Promosi ini seperti Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U));
- (iv) bersetuju untuk bertanggungjawab menyediakan butiran kontak mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih, alamat e-mel dan alamat rumah/tempat kerja dan secara segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan/bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak, atau SMS dan/atau e-mel tidak sampai, jika berkenaan, disebabkan oleh nombor mudah alih, alamat e-mel dan/atau alamat rumah/tempat kerja yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak tidak tepat/tidak sah atau SMS, e-mel dan/atau pemenuhan/penghantaran tidak dapat disampaikan atas apa juga sebab;
- (v) bersetuju dan membenarkan Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi (iaitu nama dan nombor ID dan/atau akaun yang disembunyikan) para Pemenang bagi tujuan pengumuman Pemenang tanpa bayaran untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media;
- (vi) bersetuju untuk menyemak Laman Web Promosi dengan kerap untuk melihat T&S kepada Promosi dan untuk terus mengikuti perubahan atau variasi kepada T&S;
- (vii) bersetuju bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak adalah bergantung sepenuhnya kepada Pelanggan yang Layak memiliki simpanan peti masuk yang mencukupi untuk menerima SMS dan/atau e-mel dan ketersediaan dan kualiti perkhidmatan telefon mudah alih/penyedia perkhidmatan rangkaian internet yang berkenaan, dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan apa pun sekiranya berlaku seperti:
 - (a) SMS terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan oleh kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau;
 - (b) sebarang isu penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelencongan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan yang Layak.(selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**").

Oleh yang demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga akibat sebarang kelambatan atau kegagalan menerima sebarang transmisi SMS dan/atau e-mel dari Bank dan begitu juga sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Rayuan bagi kelewatan atau kegagalan sedemikian tidak akan diproses;
- (viii) bersetuju untuk bertanggungjawab untuk sebarang caj syarikat telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia disebabkan oleh komunikasi dengan Bank berkaitan dengan Promosi ini; dan
- (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.

27. Bank berhak:

- (i) dengan memberi notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya atau menamatkan Promosi dengan cara menyiarkan melalui Laman Web Promosi;

- (ii) membatalkan Hadiah yang diperoleh sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat yang Terpakai; dan
 - (iii) untuk menarik balik Hadiah sekiranya terdapat sebarang penipuan dan pelanggaran yang dikesan terhadap Terma dan Syarat yang Terpakai.
28. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Terpakai hendaklah dibaca bersama-sama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.
29. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang tersenarai di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S yang muktamad pada Laman Web Promosi akan digunakan.
30. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
31. Melainkan dinyatakan sebaliknya, kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. Produk-produk CASA/CASA-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit ([rujuk Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).